



AGENSI PENGUATKUASAAN MARITIM MALAYSIA  
ZON MARITIM LABUAN  
KEMENTERIAN DALAM NEGERI  
NO JKR 214P KM 1.5 JALAN PATAU-PATAU  
87000 WILAYAH PERSEKUTUAN LABUAN



Telefon: 087-453777  
Faks: 087-452999  
Laman Web: [www.mmea.gov.my](http://www.mmea.gov.my)

APMM.DM14.100-10/3/5 (4)

Tarikh: 27 September 2022

## KENYATAAN MEDIA

### **BOT TUNDA DITAHAN, KESALAHAN DI BAWAH ORDINAN PERKAPALAN SAUDAGAR (MSO)1952**

LABUAN, 27 September – Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (Maritim Malaysia), Zon Maritim Labuan telah menahan sebuah bot tunda berhampiran Pulau Burung, awal pagi tadi.

Pengarah Zon Maritim Labuan, Kepten Maritim Nudin bin Jusoh berkata, bot peronda Maritim Malaysia yang sedang dalam rondaan Op Sejahtera dan Op Khas Kuda Laut telah melakukan penahanan terhadap bot tunda kerana kegagalan operator mengemukakan sebarang dokumen berkaitan semasa diperiksa seperti tiada nama master di belakang Buku Certificate of Malaysia Registry dan gagal mematuhi keanggotaan seperti dalam syarat lesen (Domestic Shipping License).

Semasa diperiksa, bot tunda dikendalikan oleh tujuh kru termasuk kepten dan kesemuanya warganegara Indonesia yang berumur dalam lingkungan 25 hingga 50 tahun.

Kes disiasat di bawah Ordinan Perkapalan Saudagar (MSO)1952 kerana gagal mengemukakan dan mematuhi sebarang dokumen.

Bot tunda terbabit ditahan serta kesemua kru dibawa ke jeti Zon Maritim Labuan untuk siasatan lanjut.

Maritim Malaysia tidak akan berkompromi dengan mana-mana pihak dan akan mengambil tindakan undang-undang ke atas sebarang aktiviti atau salahlaku jenayah di laut. Orang ramai boleh menghubungi Pusat Operasi Zon Maritim Labuan di talian 087-453777 atau MERS 999 yang beroperasi 24 jam.

-TAMAT-

Sekiranya ada sebarang pertanyaan sila hubungi:

Lk (M) Mohamad Rafie Bin Rifin  
Pegawai Perhubungan Awam  
No. Tel : 018-9462463  
Email : [rafierifin@mmea.gov.my](mailto:rafierifin@mmea.gov.my)

